



Working Paper No. 12, March 2007

**PERSEPSI PEMBANTU RUMAH WANITA WARGA INDONESIA  
TERHADAP MAJIKAN DI MALAYSIA :  
KAJIAN KES DI BANDARAYA KUCHING, SARAWAK**

**Siti Haslina Hussin & Malia Taibi**

**Working Paper Series**

**Faculty  
of  
Social Sciences**

uni  
HD  
6300  
S623

**Persepsi Pembantu Rumah Wanita Warga Indonesia  
Terhadap Majikan di Malaysia :  
Kajian Kes di Bandaraya Kuching, Sarawak**

**Siti Haslina Hussin & Malia Taibi**

**Fakulti Sains Sosial  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

## **Pengenalan**

Pembantu rumah wanita warga Indonesia mendominasi sektor perkhidmatan domestik di Malaysia. Secara tidak langsung pernyataan ini menjadi indikator kepada kebergantungan keluarga di Malaysia terhadap perkhidmatan pembantu rumah memandangkan kebanyakan suami dan isteri sekarang mempunyai pekerjaan masing-masing. Justeru, tanggungjawab menguruskan rumah dan menjaga anak-anak mahupun orang tua terletak dibahu pembantu rumah asing.

Agak sukar untuk menentukan angka pembantu warga Indonesia di Sarawak. Ini diakui sendiri oleh Didik J. Zulhadji, *Third Secretary/Vice Consul* dari Konsulat General Republik Indonesia di Kuching semasa ditemubual. Menurut beliau, pihak Konsulat juga tidak mempunyai statistik yang lengkap kerana ada pembantu rumah wanita warga Indonesia yang datang bekerja di bandaraya Kuching secara haram. Kedudukan geografi Sarawak yang bersempadanan dengan Kalimantan Barat memudahkan mereka (pembantu rumah warga Indonesia) untuk menyusup masuk melalui 'jalan tikus' untuk mencari pekerjaan di Sarawak.

Menurut Didik lagi kebanyakan pembantu rumah wanita warga Indonesia di negeri ini berasal dari Kalimantan Barat – Pontianak dan Sambas - manakala sebilangan kecil berasal dari tanah Jawa. Ini kerana kedudukan geografi Sarawak dan Kalimantan Barat yang berdekatan di antara satu sama lain. Justeru, pembantu warga Indonesia ini berasa 'dekat' dengan keluarga walaupun sebenarnya mereka bekerja di luar negara mereka. Faktor jarak ini menjadi salah satu sebab mereka sanggup datang ke Sarawak, terutamanya bandaraya Kuching untuk bekerja. Selain daripada itu, pendapatan yang lumayan juga menjadi tarikan kepada mereka untuk bekerja di sini. Justeru, kedua-dua faktor ini berjaya menarik ramai wanita warga Indonesia untuk